

Nama: _____

Tarikh: _____

Baca petikan di bawah dengan teliti dan jawab soalan yang diberikan.



Riadah Komuniti

Persatuan Penduduk Taman Budi sering menganjurkan aktiviti riadah komuniti. Aktiviti itu disertai oleh penduduk setempat tanpa mengira kaum dan peringkat umur. Aktiviti itu bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan mengukuhkan perpaduan.

Ketika merancang dan mengadakan aktiviti riadah, penduduk Taman Budi sentiasa bermuafakat. Mereka mengambil kira setiap pandangan dan kepentingan semua kaum. Selain mengadakan mesyuarat, mereka membuat undian secara dalam talian bagi mendapatkan kata sepakat.

Pada tahun ini, penduduk Taman Budi diminta memilih satu daripada empat aktiviti riadah yang dicadangkan. Aktiviti riadah yang meraih undian tertinggi akan dipilih untuk dilaksanakan.

1. Apakah tujuan aktiviti riadah komuniti diadakan?

2. Nyatakan **dua cara** penduduk Taman Budi untuk mendapatkan kata sepakat.

1.

2.

3. Bagaimanakah aktiviti riadah dipilih untuk dilaksanakan?

Nama: _____

Tarikh: _____

Lengkapkan jadual di bawah. Nyatakan dua kebaikan setiap aktiviti.

Aktiviti	Kebaikan
 Pesta Permainan Tradisional	
 Bercuti di tempat menarik	
 Aktiviti perkhemahan	
 Pertandingan Bola Keranjang	